

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kamera badan bantu kesan perokok tegar, penjual rokok haram

PETALING JAYA: Penggunaan kamera badan dalam kalangan penguat kuasa kesihatan mampu menangani isu rokok secara keseluruhannya termasuk mengesan perokok tegar di kawasan-kawasan larangan seperti premis makanan.

Pakar Perubatan Kesihatan Masyarakat di Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, inisiatif itu dalam masa sama dapat mengenal pasti golongan penjual rokok haram yang semakin berleluasa ketika ini.

“Perkembangan ini amat baik seiring dengan negara-negara maju yang menggunakan teknologi dalam pelaksanaan penguatkuasaan sebagai langkah keselamatan di samping untuk mengesan pesalah.

“Saya harap inisiatif ini dapat



ANGGOTA penguat kuasa Kementerian Kesihatan (KKM) menunjukkan kamera badan pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kesihatan Malaysia di Putrajaya dekat sini, baru-baru ini.
- UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

diperluaskan ke seluruh negara terutama di lokasi titik panas kerana jumlah kawasan perokok

haram di Malaysia adalah tinggi,” katanya.

Kelmarin, Pengarah Kesihatan

Wilayah Persekutuan, Dr. Nor'Aishah Abu Bakar berkata, sebanyak 147 notis kesalahan larangan merokok dikeluarkan dalam 10 operasi penguatkuasaan di sekitar ibu negara dan Putrajaya sejak 12 Disember lalu.

Katanya, tindakan tersebut diambil penguat kuasa jabatan itu berdasarkan penggunaan kamera badan.

Katanya, rakaman video dan gambar yang direkodkan akan digunakan sebagai bahan bukti kesalahan dan sokongan keterangan selain menjaga keselamatan dan memelihara integriti anggota penguat kuasa.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr. Jacob George berkata, langkah itu diyakini memberi pengajaran kepada individu yang melakukan kesalahan merokok di tempat larangan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Penguat kuasa Jabatan Kesihatan KL, Putrajaya guna kamera badan

Kuala Lumpur: Anggota penguat kuasa Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sudah pun mengaplikasikan penggunaan kamera badan dalam Operasi Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 dan Ops Rakam Asap Tembakau sejak 12 Disember lalu.

Pengarah jabatan itu, Dr Nor'Aishah Abu Bakar dalam satu kenyataan kelmarin berkata, rakaman video dan gambar yang direkodkan akan digunakan sebagai bahan bukti kesalahan dan sokongan keterangan, selain menjaga keselamatan dan memelihara integriti anggota penguat kuasa.

Beliau berkata, sebanyak 147 notis kesalahan larangan merokok sudah dikeluarkan hasil 10 operasi penguatkuasaan yang dijalankan di sekitar ibu negara dan Putrajaya sejak 12 Disember hingga kelmarin.

Katanya daripada jumlah itu, 140 notis dikeluarkan bagi kesalahan pelanggaran Peraturan 11(1) PPKHT 2004, iaitu merokok di tempat larangan.

"Sebanyak tujuh notis dikeluarkan bagi pelanggaran Peraturan 13 PPKHT 2004, iaitu bagi kesalahan larangan merokok, mengunyah, membeli atau memiliki apa-apa hasil tembakau oleh Orang Belum Dewasa (OBD)," katanya.

Menurutnya, penguatkuasaan kepada pematuhan larangan merokok di bawah PPKHT 2004 di pusat beli-belah, hentian awam dan tempat makan di Kuala Lumpur serta Putrajaya akan terus dijalankan. BERNAMA

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL



PEGAWAI psikologi (kaunseling) Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP), Nor Azimah Junus (berdiri, kiri) mengendalikan sesi teknik relaksasi yang juga antara bantuan psiko sosial kepada mangsa banjir mengalami trauma di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Cherating, Kuantan.